

## **MERUNGKAIKAN ISU-ISU UMAT ISLAM DI MALAYSIA DAN SEJAGAT**

Oleh : Al-Azharri Siddiq Kamunri

Tahun 2017 merupakan tahun yang sangat mencabar kepada umat Islam di seluruh dunia termasuklah negara Malaysia. Pada 30 Disember 2016, selepas solat Jumaat, saudara Al-Azharri Siddiq Kamunri, Ketua Editor portal merdeka-online.com menemui Imam pertama dan Imam kedua Masjid Nabawi, di Madinah Munawwarah, Arab Saudi untuk merungkaikan isu-isu umat Islam di Malaysia dan sejagat.

Imam Satu Masjid Nabawi ialah As-Syeikh Dr. Ali bin Abdul Rahman al-Huzaifi, dilahirkan pada 22 Mei 1947. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Imam Muhammad Ibn Saud (Riyadh), serta peringkat sarjana dan PhD di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau pernah bertugas sebagai Pensyarah di Universiti Islam Madinah di Fakulti Syariah, Fakulti Hadis, Fakulti Dakwah & Usuluddin dan Fakulti al-Quran, Imam Masjid Quba', Imam dan Khatib Masjidil Haram, Imam dan Khatib Masjid Nabawi, Ketua Lajnah Ilmiah Mushaf Cetakan Madinah Nabawiah dan Anggota Badan Tertinggi Kompleks Percetakan al-Quran Raja Fahd.

Imam Kedua Masjid Nabawi pula adalah As-Syeikh Solah bin Muhammad al-Budair pula dilahirkan pada tahun 1970 di bandar Hufuf Wilayah Ahsa', Arab Saudi. Beliau memiliki sarjana muda dari Universiti Imam Muhammad ibn Saud dalam bidang Syariah. Beliau telah menjadi Imam dan Khatib Masjid Nabawi semenjak tahun 1998 dan Qadhi di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Agung Madinah Munawwarah.

Ikutilah tanskrip temubual bersama beliau berdasarkan perkara-perkara tersebut.

### **BERSATU DALAM POLITIK YANG 'SATU'**

**Soalan :** Bagaimana Sheikh melihat politik Islam di Malaysia, khususnya dewasa ini umat Islam di Malaysia sangat mendambakan penyatuan dan perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin utama parti politik Islam di Malaysia?

**Jawapan :** Satu perkara yang penting untuk anda sedari, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang dikenali sangat baik dan aman. Nasihat saya, kekalkanlah keamanan yang dikecapi itu kerana bukannya mudah untuk mengusahakan keamanan tetapi sangat mudah untuk menghancurkan keamanan. Sebab itulah umat Islam di Malaysia mesti bersatupadu di belakang Pemerintah dan Kerajaan Malaysia, bersatu menghalang musuh-musuh Islam daripada mengkucar-kacirkan dan seterusnya menghancurkan negara anda.

Ketahuiilah bahawa jarum musuh-musuh Islam sangat halus, anda tidak akan melihatnya dengan mata kasar tetapi mereka akan bermaharajalela apabila mereka memerintah. Ketika itu penyesalan sudah tidak berguna lagi. Lihatlah negara-negara sunnah yang sudah hancur seperti Iraq dan kini di Yaman dan Syria.

Kedua, umat Islam jangan terlalu sibuk dengan urusan politik sahaja. Jika umat

Islam terlalu sibuk dengan politik sahaja dan melupakan ibadah-ibadah lain, saya bimbang ianya akan membawa bala kepada umat Islam. Percayalah, politik yang keterlaluan akan membawa bala kehancuran kepada umat Islam dan negara anda.

Saya menyeru kepada umat Islam di Malaysia, jangan berpecah belah disebabkan politik kerana politik adalah punca perpecahan di kalangan umat Islam dan merosakkan hubungan di kalangan ummah sehingga boleh menjadikan musuh sesama umat Islam. Umat Islam mestilah bersatu dalam sebuah politik yang 'satu'.

**Soalan:** Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan DS Najib membawa mesej Maqasid Syariah dalam kepimpinannya. Bagaimana Sheikh melihat konsep Maqasid Syariah yang diamalkan di Malaysia?

**Jawapan:** Pertama sekali, saya menyeru supaya kita semua bertawakkal kepada Allah SWT kerana Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kita perjuangkan untuk umat Islam. Sikap bertawakkal kepada Allah SWT dalam pemerintahan negara dan kerja dakwah akan mengangkat darjat pemimpin anda lebih tinggi dalam Islam. Nasihat saya kepada Pemerintah dan Kerajaan Malaysia, perteguhkanlah keimanan dan kepercayaan kepada Allah SWT, janganlah bimbang dan takut jika berada di pihak yang benar kerana Allah SWT Maha Mengetahui dan inshaallah akan membantu kerja-kerja yang mulia.

Lihatlah sirah perjalanan kehidupan para nabi-nabi. Mereka juga tidak lari daripada ujian ketika menjadi pemimpin. Mereka bukan sahaja difitnah, malah mereka berhadapan dengan musuh-musuh yang mahu membunuh mereka. Kesan kehidupan para Nabi amat besar ertinya kepada pemimpin dan umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Ketahuilah bahawa kehidupan para Nabi adalah sebaik-baik kehidupan. Kita perlu meneliti bagaimana Allah SWT menjayakan kehidupan dan perjuangan para Nabi. Tidak ada seorang pun yang boleh menandingi kehidupan para Nabi, tetapi kita boleh mencontohinya terutama dakwah yang mereka lakukan.

Alhamdulillah Pemerintah dan Kerajaan Malaysia sangat dekat dengan dakwah Islamiah, terutama usaha beliau melaksanakan Maqasid Syariah. Ia suatu usaha yang sangat baik. Ingatlah bahawa ketaatan kepada Allah SWT akan mendatangkan keberkatan dalam kehidupan seharian. Jauhilah daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT. Ketahuilah maksiat yang dilakukan oleh seseorang itu akan menjadikannya setaraf dengan binatang.

Kedua, kehidupan manusia ada tingkatan tersendiri. Darjat tingkatan tersebut bergantung kepada amalan kebaikan yang dilakukan. Semakin banyak amalan baik yang dilakukan maka tinggilah darjat kehidupannya di sisi Allah SWT.

Ketiga, sibukkanlah diri dengan kerja-kerja dakwah kerana kerja dakwah adalah kerja yang sangat mulia. Dakwah adalah kerja para Nabi. Jadikanlah dakwah sebagai kehidupan. Allah SWT akan menolong kepada sesiapa yang melakukan dakwah.

Keempat, peliharalah solat dan bersolat berjamaah di awal waktu, solat pahalanya sangat besar di sisi Allah SWT.

Kelima, jangan sesekali mensyirikkan Allah SWT. Syirik adalah perkara yang paling asas dalam kehidupan untuk dihindari.

Keenam, tauhid adalah mengikhlaskan kebergantungan kepada Allah SWT sahaja. Kebergantungan kepada Allah SWT adalah berkehendakkan kepada melakukan kebaikan dan menghalang keburukan, bertawakal kepada Allah SWT, bersandarkan harapan kepada Allah SWT, mendahulukan kecintaan kepada Allah SWT daripada selainnya serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ikhlas dalam melakukan amalan serta mengikut sunnah yang dibawa oleh Nabi SAW.

Ketujuh, untuk mencapai Maqasid Syariah juga umat Islam mesti melazimi membaca al-Quran serta mentadabbur dan jangan sesekali meninggalkan amalan membaca al-Quran. Sekiranya kita tidak memahami isinya, maka rujuklah kepada tafsir. Para sahabat R. Anhum sekiranya tidak memahami ayat al-Quran, mereka akan merujuk kepada yang lebih mengetahui.

## **FITNAH KE ATAS PEMIMPIN DAN KERAJAAN**

**Soalan:** Pada hari ini pelbagai isu (tipu muslihat) ditimbulkan di negara-negara Islam termasuk di Malaysia dengan menyebarkan fitnah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan, hinggakan segelintir rakyat terpedaya dengan tipu muslihat musuh-musuh Islam?

**Jawapan:** Berkenaan dengan isu-isu memfitnah termasuklah fitnah ke atas pemimpin negara anda, sebenarnya fitnah telah berlaku dari mula kewujudan manusia (anak Nabi Adam a.s. Habil dan Qabil. Untuk mengatasi fitnah ialah dengan cara ketaatan kepada Allah SWT adalah kunci kejayaan dalam kehidupan dan pemerintahan. Lihatlah keadaan para Nabi terdahulu juga sering difitnah, dinista, dicerna malah diancam bunuh oleh musuh-musuh Islam. Jadikanlah perjalanan pemerintahan mereka sebagai sumber rujukan dalam kehidupan kita hari ini. Mereka difitnah tetapi mereka tetap istiqamah dan menjalankan kerja-kerja mereka supaya umat Islam, rakyat dan negara sentiasa aman dan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Dalam pemerintahan, pemimpin dan Kerajaan Malaysia hendaklah istiqamah, bersabar dan bertawakkal kepada Allah SWT kerana musuh-musuh Islam tidak akan berhenti memfitnah sehingga pemimpin dan negara Islam dijatuhkan dan negara anda dihancurkan.

**Soalan:** Apakah nasihat Sheikh kepada umat Islam di Malaysia yang berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup yang berlaku sekarang?

**Jawapan:** Saya ingin mencadangkan kepada umat Islam yang dikurniakan Allah

SWT rezeki melimpah ruah dan sesiapa sahaja yang mempunyai kelebihan supaya mengamalkan amalan bersedekah kepada yang memerlukan. Amalkanlah amalan-amalan mulia dengan memperbayakkan sedekah, amal jariah, tolong-menolong yang kaya kepada yang miskin, dan kepada sesiapa sahaja makhluk Allah SWT. Amalan bersedekah sangat penting dalam sesebuah masyarakat dan negara kerana bersedekah adalah kunci kepada rezeki, malah amalan bersedekah juga boleh menjadi penghalang kepada kemudaratannya kepada masyarakat dan negara.

Pesanan saya, berbuat baiklah kepada sekalian makhluk Allah SWT di atas mukabumi ini. Makhluk yang paling hampir dengan seseorang untuk dibuat kebajikan kepadanya adalah kedua ibu bapa, kaum keluarga, jiran-jiran dan seterusnya kepada mereka yang memerlukan di luar sana. Berbuat baiklah walaupun kepada binatang.

Percayalah, barangsiapa yang mengikuti sirah para Nabi, InshaAllah akan dipanjangkan amal kebaikan mereka, dan akan dimudahkan rezeki mereka oleh Allah SWT.

## **NASIHAT PENTING IMAM KEPADA UMAT ISLAM DI MALAYSIA**

**Soalan:** Apakah nasihat khusus Sheikh kepada umat Islam di Malaysia?

**Jawapan:** Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana mengharamkan Syiah daripada berkembang di bumi Malaysia. Saya ingin menasihatkan supaya usaha untuk membendung ajaran Syiah perlu diteruskan dari masa ke semasa. Ketahuilah, bahawa Syiah adalah puak yang sangat jahat. Apabila Syiah berkembang masuk ke dalam sesuatu negara ia akan menghancurkan negara tersebut secara halus. Apabila Syiah dalam sesebuah negara menjadi kuat ia akan menghancurkan negara tersebut. Syiah umpama jarum halus yang menusuk ke dalam jiwa insan.

Lihatlah negara-negara yang mempunyai pengikut Syiah yang ramai, negara tersebut akan hancur. Contohnya, negara Sunnah yang mempunyai pengikut Syiah yang ramai akan menjadikan negara Sunnah tersebut bergolak. Contohnya negara Iraq telah hancur, negara Syam (Syria) kini sedang bergolak sekian lama, Yaman, Pakistan dan Afghanistan. Pada hari ini, pengaruh-pengaruh Syiah telah menular ke negara-negara Afrika. Negara Malaysia bernasib baik kerana Pemerintah dan Kerajaan Malaysia bersungguh-sungguh mengekang pengaruh syiah dan ajaran-ajaran sesat.

## **BANI ISRAEL**

Umat Islam di Malaysia janganlah jadi seperti Bani Israel. Lihat sejarah Bani Israel, ketika mereka melakukan ketaatan kepada Allah SWT, lalu Allah SWT telah mengurniakan kepada mereka nikmat yang pelbagai sepertimana kehidupan mereka ketika dalam kelaparan setelah dikeluarkan dari bumi Mesir, Allah SWT telah

menurunkan makanan dari langit (Mann dan Salwa) serta direzekikan kepada mereka nikmat yang baik-baik.

Akan tetapi, ketika mereka melakukan maksiat dan melanggar arahan Allah SWT, lalu Allah SWT telah menjadikan mereka haiwan seperti kera dan sebagainya.

Begitu juga dengan kisah Ashabul Kahfi yang mana Allah SWT telah muliakan mereka setelah mereka melakukan ketaatan kepadaNya.

Kepada umat Islam di Malaysia, bersatulah janganlah berpecah belah. Berdiri teguhlah di belakang pemimpin dan kerajaan kerana mereka membawa keamanan. Janganlah kamu menjadi seperti umat Islam di Iraq, Yaman dan Syria. Apabila keamanan sudah musnah, tidak mudah untuk mengusahakannya semula.

End.